

FAKTOR KETERLIBATAN PEROKOK DALAM KETAGIHAN DADAH: SATU TINJAUAN DALAM KALANGAN PELAJAR

Factors Involving Smokers in Drug Addiction: A Survey among Students

Nurun Najihah Musa¹, Abdul Rashid Abdul Aziz², Amin al Haadi Shafie³

^{1,2,3}Universiti Sains Islam Malaysia

E-mail (rashid@usim.edu.my)

Abstrak

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 mendedahkan kelaziman perokok semasa adalah 21.3% di mana dianggarkan 4.8 juta rakyat Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas sedang merokok. Tambah membimbangkan apabila jumlah penagihan dadah juga menunjukkan trend yang semakin meningkat. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji faktor kepada seseorang perokok terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Ini adalah penyelidikan kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Ia melibatkan 90 responden yang terdiri daripada 60 pelajar sekolah dan 30 pelajar institut komuniti tempatan di Kedah. Soalan tinjauan yang digunakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dalam melaksanakan program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) telah diterapkan. Analisis data dilakukan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 26 yang melibatkan analisis data deskriptif. Dapatan kajian mendapati 47.8% (43) daripada responden bersetuju bahawa pengaruh rakan sebaya menjadi penyebab utama kepada penyalahgunaan dadah. Sementara itu, keputusan kajian ini turut menyenaraikan beberapa faktor lain seseorang perokok itu menyalahgunakan dadah. Ini penting bagi mengenalpasti faktor-faktor yang dapat menghumban seseorang ke dalam kancah penyalahgunaan dadah. Dapatan daripada kajian tersebut boleh menjadi parameter dalam membantu badan-badan yang bertanggungjawab terhadap ketagihan belia dalam membentuk aktiviti bagi mengurangkan jumlah penagihan dadah dan rokok dalam kalangan remaja di Malaysia demi mencapai matlamat negara bebas dadah.

Kata kunci: *Rokok, Ketagihan dadah, Belia, Remaja*

PENGENALAN

Isu penagihan dadah bukanlah isu baru. Penagihan dadah telah mendapat tempat di mata seluruh negara tentang bahaya penggunaannya. Kerajaan juga sedang berusaha keras memikirkan cara untuk menangani isu ini. Dalam memberi peringatan tentang bahaya dadah, Dasar Dadah Negara telah diperkenalkan pada tahun 2004 bagi mewujudkan Malaysia bebas dadah dan telah ditambahbaik pada tahun 2014 untuk memastikan kesejahteraan masyarakat dan juga untuk memperkukuh keselamatan negara (AADK, 2017).

Isu ini menjadi lebih rumit apabila ia bukan sahaja melibatkan remaja dan dewasa, malah turut melibatkan pelajar sekolah. Anak-anak muda merupakan pewaris masa depan. Masa depan negara amat membimbangkan sekiranya golongan ini terlibat dengan dadah. Penglibatan golongan ini dalam penagihan dadah berpunca daripada beberapa faktor seperti pengaruh rakan sebaya, keinginan untuk mencuba perkara baharu, mengalami tekanan dalam hidup, berseronok, melegakan kesakitan, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, statistik juga menunjukkan bahawa

mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah juga terlibat dalam aktiviti merokok. Walaupun AADK tidak memasukkan penggunaan rokok sebagai faktor ketagihan, tetapi kita tidak tahu sejauh mana rokok boleh menjadi punca seseorang itu terlibat dengan dadah.

Daripada isu ini, kita perlu mengambil tahu beberapa isu berkaitan merokok dan penggunaan dadah. Salah satu perkara penting yang perlu diketahui ialah apakah faktor yang menjerumuskan perokok kedalam penyalahgunaan dadah dan sejauh mana ia memberi kesan kepada seorang perokok. Justeru, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan seseorang perokok terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif melalui reka bentuk kajian tinjauan. Ia melibatkan 90 responden yang terdiri daripada 60 pelajar sekolah dan 30 pelajar institut komuniti tempatan di Kedah. Menurut Aliaga dan Gunderson (2002), penyelidikan kuantitatif adalah merujuk kepada pengumpulan data berangka dan data tersebut akan dianalisis menggunakan kaedah berasaskan matematik dalam bentuk statistik. Selain itu, Babbie (2010) menyatakan bahawa data kuantitatif merupakan reka bentuk kajian yang menekankan kepada pengukuran objektif dan analisis berangka (*numerical analysis*) daripada data yang dikumpul melalui soal selidik atau tinjauan. Analisis data dilakukan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 26 yang melibatkan analisis data deskriptif.

Soal selidik akan mengukur pembolehubah iaitu bagaimana sesetengah perokok boleh terjebak dalam penagihan dadah dan sebahagian perokok yang lain dapat menghindarkan diri dari penyalahgunaan dadah. Bahagian A terdiri daripada soalan demografi yang merangkumi jantina, kategori, penggunaan rokok dan penggunaan dadah. Sementara itu, penyelidik menggunakan instrumen kajian bagi mengkaji tahap pengetahuan masyarakat dan pelajar tentang penyalahgunaan dadah, inhalan, rokok dan alkohol. Instrumen ini diadaptasi daripada alat ukur yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam ‘Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa)’ yang bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan pelajar sekolah rendah terhadap bahaya penyalahgunaan dadah.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perokok Terlibat Dengan Penyalahgunaan Dadah

Jadual 10.1: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perokok Terlibat Dengan Penyalahgunaan Dadah

	Kekerapa n	Peratu s
Ketagihan Rokok	21	23.3
Pengaruh Rakan	43	47.8
Mencuba Perkara Baharu	14	15.6
Lain-lain	12	13.3
Jumlah	90	100.0

Jadual 1 menunjukkan faktor yang mempengaruhi perokok terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Berdasarkan perspektif responden, 23.3% (21 responden) bersetuju bahawa ketagihan rokok atau kebergantungan yang tinggi terhadap rokok boleh mempengaruhi seseorang untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Manakala, 47.8% (43 responden) bersetuju bahawa seseorang terlibat dengan penyalahgunaan dadah kerana pengaruh rakan dan faktor ini mendapat peratus tertinggi. Seterusnya, 15.6% (14 responden) bersetuju bahawa rasa ingin mencuba perkara baharu mempengaruhi seseorang untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Baki 13.3% (12 responden) mengundi faktor-faktor lain; kasih sayang keluarga, persekitaran, tekanan, dan isu peribadi yang menyebabkan seseorang terlibat dalam penagihan dadah.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penolakan Perokok terhadap Dadah.

Jadual 10.2: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penolakan Perokok terhadap Dadah.

	Kekerapan	Peratus
	n	s
Mengurangkan atau Berhenti Merokok	27	30.0
Mengelakkan Rakan-rakan yang Ketagihan Dadah	23	25.6
Kesedaran	13	14.4
Lain-lain	27	30.0
Jumlah	90	100.0

Jadual 2 menunjukkan beberapa faktor yang mempengaruhi penolakan perokok terhadap dadah. 30% (27 responden) bersetuju bahawa sesetengah perokok boleh menolak daripada ketagihan dadah jika perokok itu mengurangkan pengambilan rokok atau berhenti merokok. Seterusnya, 25.6% (23 responden) bersetuju bahawa perokok boleh mengelakkan penyalahgunaan dadah jika mereka menjauhi rakan yang terlibat dalam ketagihan. 14.4% (13 responden) bersetuju bahawa sebahagian perokok menolak dari melibatkan diri dengan dadah kerana kesedaran mereka terhadap bahaya dadah dan bertanggungjawab terhadap kehidupan, keluarga dan undang-undang. Manakala 30% (27 responden) bersetuju terhadap faktor-faktor lain yang menyebabkan sesetengah perokok menghindari dadah ialah iman yang kuat, kasih sayang keluarga, dan menjalani kehidupan yang sihat.

KESIMPULAN

Dapatan ini menunjukkan bahawa pengaruh rakan menjadi faktor utama dalam menyumbang keterlibatan seorang perokok terhadap penyalahgunaan dadah. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa mengurangkan pengambilan rokok atau berhenti merokok dapat mengelakkan daripada seseorang perokok itu terlibat dalam penagihan dadah. Kajian ini juga membincangkan peranan yang perlu dimainkan oleh institusi pendidikan dan kerajaan untuk memberikan maklumat berterusan kepada pelajar dan masyarakat. Tahap pengetahuan yang tinggi boleh meningkatkan tahap kesedaran terhadap bahaya dadah dan rokok. Tahap pengetahuan yang rendah memberi kesan negatif kepada penyelesaian masalah dan pemikiran positif. Peranan semua pihak penting dalam menentang gejala penagihan dadah.